

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(IV)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

20. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengaktifkan semula Pasukan Peronda Sukarela (PPS)?
- (a) Adakah unit baru akan ditubuhkan menggantikan PPS?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia untuk mencegah kegiatan jenayah di Pulau Pinang?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk mengaktifkan semula Pasukan Peronda Sukarela (PPS). Namun demikian, Kerajaan Negeri perlu meneliti dan mengkaji beberapa faktor seperti kelulusan daripada Kerajaan Pusat mengenai cadangan ini, peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan kesediaan kerjasama daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebelum meneruskan pelaksanaan PPS.
- (a) Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri pernah menubuhkan satu unit baru menggantikan PPS iaitu Badan Peronda Sukarela (BPS). Namun demikian, pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memberikan arahan kepada Kerajaan Negeri untuk menghentikan segala aktiviti dan sebarang program

melibatkan BPS ini. Buat masa sekarang, Kerajaan Negeri belum mempunyai cadangan untuk menubuhkan unit baru menggantikan kedua-dua pasukan tersebut.

- (b) Kerajaan Negeri sememangnya sentiasa bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia dalam membasmi kegiatan jenayah yang berlaku di Negeri Pulau Pinang.